

KIARA MEDIUM IDEA BARU

Oleh Jaidin Sabudin

Kota Kinabalu, 30 April - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRUMS) tampil sekali lagi dalam Program Karnival Integriti dan Anti Rasuah Peringkat Negeri Sabah (KIARA) yang berlangsung di Pusat Dewan Kuliah baru-baru ini.

Program KIARA ini dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Shamsun Baharin Bin Haji Mohd Jamil, Pengarah Bahagian Pendidikan dan Masyarakat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

Program ini juga turut melibatkan beberapa agensi khas antaranya Bahagian Pembangunan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Kolej Kediaman Tun Fuad UMS, Bahagian Psikologi Hal Ehwal Pelajar UMS, Sekretariat Pencegahan Rasuah dan mahasiswa UMS.

Objektif program KIARA ini bertujuan untuk melahirkan generasi muda yang mempunyai nilai integriti dan rasa tanggungjawab dalam memerangi gejala rasuah dan menjadi medan bagi generasi baru melontarkan dan memberi idea baru dalam membanteras anti rasuah.

Menurut Dato' Shamsun Baharin Bin Haji Mohd Jamil, generasi Y perlu mengorak dan mencorak pembangunan dan pemantapan integrity serta perlu mempersiapkan diri dengan nilai-nilai murni dalam menjadi pelapis kepimpinan negara akan datang.

"Program KIARA ini merupakan satu medium terbaik untuk generasi baru untuk menyuarakan idea-idea bernes untuk berdiskusi bagi melahirkan modal insan yang berkualiti dari segi nilai integriti, disiplin, semangat kental dan berperibadi yang utuh," kata beliau.

Pengarah Program KIARA Muhamad Izzat Islam Bin Mohd Noor, Program KIARA ini adalah amat bersesuaian dengan generasi baru kerana program bukan sahaja menyediakan informasi anti rasuah tetapi turut mengasah bakat dan mengukuhkan jati diri pelajar.

"Harapan saya dalam program ini mampu menyerap lebih ramai mahasiswa menyertai sekaligus mempuk serta melahirkan mahasiswa yang jati diri yang tinggi," tambahnya lagi.



JawantanKuasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah.